

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), wartawan Aljazeera, Mary Ann Jolley tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana tindakan-tindakannya yang boleh memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Akta Imigresen 1959/63 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen menyekat kemasukan mana-mana warganegara asing ke Malaysia setelah mempercayai individu berkenaan boleh membawa kemudaratkan kepada keselamatan negara.

Bagi menjawab soalan (b) pula, siasatan ke atas kes yang melibatkan Sirul Azhar telah selesai dan hukuman telahpun dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan ke atas tertuduh. Sehubungan dengan itu, tidak timbul lagi isu berkaitan penutupan siasatan kes berkenaan.